



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

|           |               |
|-----------|---------------|
| Newspaper | BERITA HARIAN |
| Date      | 22/12/2018    |



Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah bersama alumni pada Majlis Makan Malam SAHOCA di Nexus, Bangsar, malam tadi.

**PENARAFAN KERAJAAN MERUDUM**

# Tun M sindir 'fakta' Rafizi

BH - 22/12/2018 m/s:5

➔ Maklumat bekas Naib Presiden PKR 'terlalu tepat'

Oleh Esther Landau dan Luqman Arif Abdul Karim  
cnews@nstp.com.my

➔ Kuala Lumpur

**T**un Dr Mahathir Mohamad seakan menyindir apabila ditanya mengenai fakta dikemukakan bekas Naib Presiden PKR, Rafizi Ramli, bahawa penarafan kerajaan merudum selepas enam bulan pertukaran tampuk pemerintahan.

Perdana Menteri dengan nada sinis berkata: "Rafizi memang tahu apa akan jadi, jangkannya mengenai Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) pun sangat tepat."

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis makan malam Persatuan Bekas Pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid (SAHOCA), di ibu negara, malam tadi.

Yang turut hadir, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Sinonim imej pengulas sarat dengan fakta, Rafizi pada Rabu lalu dilaporkan berkata, penelitian semula tumpuan pentadbiran Pakatan Harapan (PH) wajar dilaksana secara tuntas kerana nadi sentimen masyarakat sejak mutakhir ini menyaksikan perubahan mendadak terhadap kerajaan baharu.

Bersandarkan jutaan mak-

lum balas menerusi ruangan komen dalam talian di pelbagai portal berita, katanya, Malaysia ternyata berdepan kadar perpecahan yang amat tinggi, malah setiap komuniti seakan hidup dalam dunia sendiri kerana mereka kurang berhubung.

"Menerusi kaji selidik, penarafan Kerajaan Persekutuan sejak PH mengambil alih tampuk pemerintahan pada Mei lalu menjunam secara mendadak. Ketika ditanya penarafan terhadap prestasi Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri pada Jun lalu, 72 peratus rakyat Malaysia memperakui pencapaiannya.

"Di sesetengah negeri, Menteri Besar baharu yang ejaan namanya salah menerusi maklum balas kaji selidik memperoleh penarafan lebih tinggi daripada Perdana Menteri," katanya.

**Semak semula kurikulum**

Terdahulu, Dr Mahathir ketika menyampaikan ucapan menyampaikan kerajaannya dalam usaha menyemak semula kerangka kurikulum sekolah supaya lebih dinamik.

Beliau memetik contoh pembelajaran agama Islam harus menyuntik nilai murni perlu diterapkan dalam kehidupan seharian, sekali gus memastikan pembentukan sahsiah murid secara lebih menyeluruh.

"Jadual kurikulum di sekolah akan diubah, tapi masih perlu belajar agama, cuma bukan empat sesi dalam sehari kerana kita tidak mahu murid hanya pandai baca doa.

"Sebaliknya berikan ilmu berguna kepada mereka apabila menamatkan persekolahan, berbanding hanya menjadi individu sekadar pandai buat 'drama'," katanya.